



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RESIDENSI
AKASIA JUBILEE**

11 DISEMBER 2025

**RESIDENSI AKASIA JUBILEE
JALAN PUDU, KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، وصلاة
وسلام على سيدنا محمد اشرف
المرسلين، وعلى آله وصحبه اجمعين،
ربنا آتنا من لدنك رحمة، وهيئ لنا
من أمرنا رشدا، رب اشرح لي
صدري، ويسر لي أمري، واحلل
عقدة من لساني، يفقهوا قولي.

- Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Dato' Fadlun**
- Timbalan Ketua Pengarah JWP, **Dato' Thomas**
- **Encik Farizal**, UDA Holdings
- Wakil KPKT, **Encik Murali**
- **Encik Khairul Anwar** dari Jabatan Perumahan Negara
- CEO UDA Land Sdn. Bhd., **Puan Zaiwati**

- Yang diraikan para pemilik dan penerima kunci bagi Residensi Akasia Jubilee
- Rakan-rakan media
- Saudara saudari, tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, pertama-tamanya marilah kita memanjatkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini menyaksikan satu detik bermakna kepada semua para pemilik Residensi Akasia Jubilee yang akan memulakan satu *milestone* baru dalam kehidupan mereka di tengah-tengah kota Kuala Lumpur ini.

2. Tahniah saya ucapkan kepada semua pihak, khususnya UDA Holdings Berhad, DBKL serta semua agensi teknikal yang memastikan projek ini siap dan boleh diduduki walaupun kita dengar tadi dikatakan ucapan pembangunan ini mengharungi pelbagai dugaan dan cabaran, termasuk lah cabaran pandemik. Saya faham, prosesnya tidak mudah, memerlukan penyelarasan pelbagai pihak dan keputusan yang konsisten. Maka, hasilnya adalah apa yang sedang kita lihat hari ini. Tahniah sekali lagi!

3. Dari sudut dasar, projek seperti ini menjadi satu contoh kepada pendekatan pembangunan yang tidak digerakkan oleh tuntutan keuntungan dan logik komersial semata-mata, malah dipandu oleh prinsip keadilan sosial. Inilah sebenarnya asas kepada pendekatan nilai MADANI yang diperjuangkan oleh Kerajaan pada hari ini.

RUMAH SEBAGAI PENSTABIL KEHIDUPAN BANDAR

Saudara saudari sekalian,

4. Saya selalu sebut bahawa – betul, Kuala Lumpur ini dibina untuk menjadi sebuah pusat ekonomi, namun penggerak sebenar kepada ekonomi itu adalah apa yang kita panggil sebagai ‘komuniti pekerja’ atau *working community*, seperti – mungkin profesional muda, guru, jururawat, pegawai-pegawai kerajaan, anggota keselamatan dan pelbagai tenaga sokongan lain yang menghidupkan kota ini setiap hari.

5. Maka, seharusnya pemilikan rumah mereka juga perlu berada dalam lingkungan yang berhampiran dengan kawasan tempat kerja mereka bagi memastikan produktiviti mereka menjadi lebih efektif.
6. Jadi, jika tiada intervensi yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti yang sedang kita laksanakan, contohnya Residensi MADANI dan Residensi Wilayah, maka pola pemilikan rumah mereka akan beralih arah ke pinggiran bandar.

7. Akibatnya, masa kerja mereka akan terjejas, kos perjalanan akan meningkat dan produktiviti bandar secara keseluruhan akan turut sama terkesan. Keadaan ini bukan sahaja akan memberi kesan kepada individu tersebut, malah turut akan menjejaskan daya saing bandar secara keseluruhannya.

8. Akses perumahan ini sebenarnya penting, selain mungkin mempengaruhi produktiviti seperti saya sebutkan tadi, ia juga menentukan kemudahan capaian keluarga mereka kepada pendidikan, kemudahan kesihatan dan juga mungkin peluang pekerjaan. Secara teorinya, apabila sesebuah keluarga itu berada dalam radius ekosistem bandar, maka mereka mempunyai capaian yang lebih baik kepada kemudahan-kemudahan ini.

9. Apa yang turut membimbangkan adalah, data dikeluarkan oleh *National Property Information Centre* atau NAPIC menunjukkan bahawa purata harga rumah di Kuala Lumpur kini menghampiri 790 ribu ringgit, dan pada masa yang sama, indikator kemampuan pemilikan berada sekitar 4.3 kali ganda pendapatan median isi rumah, sedangkan ukuran antarabangsa menetapkan kadar sekitar 3 kali ganda pendapatan sebagai paras kemampuan yang selamat.

10. Justeru, atas asas ini, penawaran kediaman dalam kawasan bandar seperti Residensi Akasia Jubilee ini, tidak hanya terhad kepada memenuhi keperluan pemilikan aset semata-mata, sebaliknya ia juga akan memelihara kesinambungan kehidupan kota itu sendiri. Intervensi ini akan memastikan mereka yang menggerakkan ekonomi kota akan turut berpeluang menetap di dalam bandar, dan inilah sebenarnya asas kepada sebuah bandar yang mampan dan seimbang.

DBKL PERLU SEDIA *MAPPING* KEMUDAHAN ASAS

Saudara saudari sekalian,

11. Saya difahamkan, residensi ini menyediakan sebanyak 494 unit kediaman seluas 814 kaki persegi dengan harga jualan sekitar 300 ribu sahaja, jauh lebih rendah daripada purata harga kediaman dalam kawasan sekitar.

12. Residensi ini juga dimaklumkan adalah antara dalam rangkaian penawaran rumah yang ditawarkan oleh UDA, di mana pertama adalah di Legasi Kampung Baru sebanyak 206 unit, kemudian di sini sebanyak 494 unit serta selepas ini satu lagi yang masih dalam fasa pembinaan melibatkan 702 unit.

13. Namun, saya tegaskan apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu sebut, pembinaan projek rumah ini perlu melihat juga tentang sekolah, klinik dan kemudahan-kemudahan lain. *Mapping* perlu dilaksanakan bagi memastikan tidak berlaku ketidakseimbangan terhadap keperluan kemudahan-kemudahan asas tersebut. Ini, DBKL perlu pastikan keterlibatan kementerian lain juga seperti KPM dan KKM untuk memastikan perkara ini dapat kita selaraskan sebaiknya. Kita tidak boleh lagi bergerak secara *silo* seperti sebelum ini.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin
sekalian,

14. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada semua pemilik baru yang akan menerima kunci rumah pada hari ini. Saya berharap agar keluarga yang menetap di sini akan membentuk satu komuniti yang saling hormat-menghormati, memelihara kawasan kediaman dengan baik dan juga dapat menyumbang kepada suasana kejiranan yang selamat dan harmoni.
“Welcome Home!”

15. Untuk itu, dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Residensi Akasia Jubilee.

Terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah
wassalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh.